

ADAT PERPATIH
ADAT BERSENDI HUKUM
HUKUM BERSENDI KITABULLAH

OLEH:
HAJI MUHAMAD BIN HAJI YASIN

1 Pendahuluan

- 1.1 Adat yang telah diasaskan oleh Datuk Perpatih Pinang Sebatang di daerah Minangkabau Sumatra Barat Indonesia kira-kira lima ratus tahun yang lalu.
- 1.2 Sistem hidup yang berpandukan kepada Adat Perpatih ini dipegang dan diamalkan oleh Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan terutama di daerah-daerah Kuala Pilah, Jempol, Rembau, Jelebu dan di Seremban di kawasan Lenggeng dan Pantai serta daerah Tampin sehingga ke daerah Naning di Melaka.
- 1.3 Tersebarnya Adat Perpatih ini di Negeri Sembilan umumnya dan di daerah-daerah tersebut khususnya disebabkan berlakunya penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan pada abad ke 15.
- 1.4 Pengaruh persekitaran dan kesan dari perkahwinan orang-orang Minangkabau ini (semenda-menyemenda) dengan penduduk asal Negeri Sembilan sedikit sebanyak memberi kesan dari segi identiti dan cara pengamalan di negeri ini dengan yang ada di Minangkabau.
- 1.5 Sistem Adat Perpatih yang dibawa oleh orang Minangkabau ke negeri ini adalah sistem adat yang telah meletakkan Hukum Syarak sebagai sumber rujukan utama yang mendasari semua kegiatan hidup dari segi sosial, politik, pentadbiran, pembangunan, perundangan, dan lain-lain bertujuan menjaga keharmonian, keamanan, keadilan dan keselamatan.

1.6 Perbilangan adat menyatakan:

- Adat bersendi hukum
- Hukum bersendi Kitabullah
- Syarak mengata, adat memakai
- Adat dan syarak sandar-menyandar
- Ibarat aur dengan tebing

2 Objektif

- 2.1 Memberi kefahaman yang tepat sejauh mana pelaksanaan Adat Perpatih itu selari dengan kehendak Islam “Adat bersendi hukum,hukum bersendi Kitabullah”
- 2.2 Menghakis pendapat,persepsi dan tomahan yang mengatakan Adat Perpatih bertentangan dengan Islam.
- 2.3 Menjelaskan setiap perbilangan, pepatah, petiti, tamsil, ungkapan kata yang mempunyai nilai, hikmah dan falsafah yang tersendiri sesuai dengan panduan syarak.
- 2.4 Mengemukakan sistem Adat Perpatih yang selari dengan kehendak Islam dan telah diguna pakai oleh masyarakat di Negeri Sembilan sebelum kedatangan undang-undang barat.

3 Adat bersendi hukum,hukum bersendi Kitabullah

- 3.1 Yang dimaksudkan dengan sendi ialah batu yang dibentuk dan permukaan atasnya rata,digunakan untuk meletakkan pangkal tiang rumah kayu, supaya kedudukan rumah lebih mantap dan kukuh “kuat rumah kerana sendi,rosak sendi rumah binasa”.
- 3.2 Maksud kata perbilangan ini ialah, “tiang rumah yang telah ditegakkan kemudian dialas dengan sendi”ini menepati fakta sejarah bahawa orang Minangkabau telah mengamalkan Adat Perpatih sebelum kedatangan Islam,apabila mereka menganut Islam ,apabila mereka menganut Islam adat telah disesuaikan dan diperkasa dengan aturan dan nilai-nilai Islam.

4 Keadaan persekitaran membentuk kata-kata perbilangan “alam terkembang menjadi guru”

- 4.1 Kekuatan minda, ketajaman daya fikir serta dalamnya pemerhatian mereka terhadap kejadian-kejadian Allah di alam ini “alam terkembang menjadi guru” mereka terjemahkan dalam kata-kata perbilangan, pepatah, petiti, ungkapan, bidalan, tamsil dan ibarat yang mana semangat dan rohnya sesuai dengan Islam, seperti firman Allah, “Apakah mereka tidak memerhatikan bagaimana unta dijadikan dan bagaimana langit ditinggikan binaannya dan bukit-bukau ditegakkan dan bumi terbentang luas”.¹
- 4.2 Manusia dituntut mengetahui dan mengkaji kejadian-kejadian Allah supaya kegiatan dan tindakan mereka berada di landasan yang benar “dan Allah telah mengajarkan Nabi Adam a.s segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkan kepada malaikat, lalu ia berfirman terangkan kepada aku nama-nama benda ini jika kamu golongan yang benar”.²
- 4.3 Kewarasan akal yang Allah anugerahkan kepada manusia digunakan untuk mengambil iktibar dari kejadian langit dan bumi serta pertukaran siang dan malam untuk menjana kehidupan di muka bumi ini. “sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran siang dan malam adalah tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang berakal”.³

5 Membentuk masyarakat yang unggul dan mulia

5.1 Wujud persamaan objektif yang hendak dicapai oleh adat dengan apa yang terkandung dalam syariat Islam iaitu membina masyarakat yang unggul dan mulia sesuai dengan fitrah manusia itu, “melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan”.⁴

- Pada syarak menyuruh berbuat baik
- Menegah daripada berbuat jahat
- Pada adat menimbulkan yang baik
- Menghilangkan yang buruk

5.2 Oleh yang demikian jelaslah bahawa adat itu merangkumi segala bentuk kehidupan dan ia tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan ini, termasuk segala bentuk kelakuan dan perbuatan manusia yang dianggap elok dan sesuai diakui sebagai peraturan yang tidak bertentangan dengan hukum Islam, ini jelaslah seperti kata perbilangan;

- Adat bersendi hukum
- Hukum bersendi Kitabullah
- Syarak mengata adat memakai
- Kuat adat tak gaduh hukum
- Kuat hukum tak gaduh adat
- Ibu adat muafakat
- Cermin yang tak kabur
- Pelita yang tak padam

5.3 Kerana masyarakat mempunyai budaya dan ianya merupakan satu cara hidup, maka adat salah satu unsur budaya yang diguna pakai oleh masyarakat melalui proses sosialisasi dengan cara ini adat itu dapat dipertahankan.

5.4 Bila dikatakan adat sebagai peraturan atau undang-undang yang mengatur kehidupan bermasyarakat, ini telah disepakati oleh ketua-ketua adat bahawa mereka menentukan kedudukan adat dari segi peranannya adalah seperti berikut;

- Pertama kata Allah
- Kedua kata Rasul
- Ketiga kata Pusaka
- Keempat kata tua muafakat
- Kelima kata beteromba
- Keenam kata bersalsilah

5.5 Dari kenyataan di atas jelaslah bahawa kedudukan adat berkait rapat dengan syarak menepati kata perbilangan;

- Pada adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik
- Pada syarak menyuruh buat yang baik,menegah buat yang jahat.

6 Adat dan syarak benteng kekuatan masyarakat

6.1 Adat sesuatu yang asli dan bukan saduran ia tetap dengan sifat asalnya walaupun ia telah melalui berbagai-bagai keadaan dan meniti peredaran zaman namun ia tetap kekal, seperti kata perbilangan;

- Adat tak lapuk dek hujan
- Tak lekang dek panas
- Gemuk berpupuk
- Segar bersiram
- Dianjak layu dicabut mati

6.2 Adat itu peraturan hidup dan ia dilaksanakan dan dipertahankan terutama dari segi hukum dan peraturan, kerana adat itu menuju ke arah kebenaran (hak) ,ia menjamin bahawa kedudukannya terkawal dan selamat kalau diamalkan dengan baik;

- Negeri berpagar undang
- Kampung berpagar pusaka

6.3 Oleh itu benteng kekuatan masyarakat ialah undang-undang/peraturan(adat) yang dibentuk dan digubal atas dasar kebenaran dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

- Adat bersendi hukum
- Hukum bersendi Kitabullah
- Adat dikelek, syarak dijunjung
- Syarak mengata, adat memakai

- 6.4 Adat dan agama lazim melazimi antara satu sama lain, sokong menyokong antara keduanya, agama menyempurnakan adat serta meletakkannya pada kedudukan yang baik dalam semua hal, ianya membina hidup bermasyarakat, menyusuri hidup berkeluarga, menyediakan landasan untuk bermuamalah dalam kehidupan harian:
- Selesai permainan dengan sorak
 - Mengakhiri adat dengan emas
 - Menyudahi syarak dengan doa
- 6.5 Adat mematuhi syarak dalam semua situasi, adat tidak pernah mengingkari hukum agama, kerana kebenaran yang mutlak dan hakiki berada dalam agama, hukum hakam agama bersumberkan Kitabullah.
- Al-Quran
 - Al-Hadith/As-Sunnah
- 6.6 Adat menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah mendasarkan hukumnya serta menerima kebenaran “Adat bersendikan Syarak”. Ini perlu ditakrif dan dihuraikan dengan setepat yang mungkin agar ianya tidak disalah faham dan dipandang serong oleh sesetengah pihak.
- 6.7 Adat perpatih telah menggabungkan dirinya dalam keseragaman tuntutan agama sebagaimana persamaan anutan masyarakatnya. Membidas dan mengkritik adat secara membututuli tanpa mengkaji asal-usulnya dengan mendalam merupakan satu fenomena yang kurang sihat.
- 6.8 Kata-kata perbilangan, pepatah dan petitih perlu ditafsir dan dihuraikan dengan secara sihat dan tepat agar agama dan adat berada di landasan yang betul, bergerak seiring dan seirama.

- 6.9 Hukum agama menjadi nadi dan sendi Adat Perpatih untuk terus hidup dan berfungsi seandainya sendi ini dianjak maka adat akan kucar-kacir menjadi kaku dan beku.
- 6.10 Dengan ini dapat dibuat kepastian bahawa Adat Perpatih telah meletak syariat Islam ditempat teratas dalam semua keadaan. Ianya telah menjadikan Kitabullah sebagai rujukan sumber mengambil hukum (istimbat).
- 6.11 Mana-mana adat yang bertentangan dengan syarak telah dibuang sedikit demi sedikit sesuai dengan ajaran Islam “menggubah secara hikmah” bagi adat yang tidak berlawanan dengan syarak ianya dikekalkan ini selari dengan qawa`ed fiqhiyah⁶ dan sabda Rasullulah s.a.w. “apa yang diakui baik oleh orang Islam, maka di sisi Allah juga baik”⁷

7 Nilai kemasyarakatan

7.1 Hidup bermasyarakat suasana tolong-menolong dan semangat bekerjasama dalam melakukan kebaikan “bertolong bantulah kamu melakukan kebajikan dan ketaqwaan dan jangan kamu bertolongan dalam melakukan kejahatan dan permusuhan, sesungguhnya azab Allah amat dahsyat.”⁸

- Berat sama dipikul
- Ringan sama dijinjing
- Bukit sama didaki
- Lurah sama dituruni
- Laba sama dikutip
- Rugi sama ditatang
- Hati gajah sama dilapah
- Hati kuman sama dicicah
- Cicir sama rugi
- Dapat sama laba
- Pangkal sama dipupuk
- Pucuk sama digentas
- Buah sama dipetik

7.2 Pembinaan syakhshiyah, Rasulullah bersabda “Kesempurnaan iman seseorang itu murni akhlaknya”.⁹

- Yang kurik kundi
- Yang merah saga
- Yang baik budi
- Yang indah bahasa

7.9 Asas-asas yang boleh dijadikan tanda-tanda awal(qarinah) untuk membuktikan jenayah syariah, Qaedah Feqah: “Keterangan di atas yang mendakwa dan saksi atas yang ingkar”¹⁶

- Adat bertanda
- Hukum bersaksi
- Bertali diheret, bertampuk dijinjing
- Adat yang tiba kegelap menjela, tiba ke terang menumpu

Tanda-tanda yang boleh menjadi bukti jenayah syariah

- Enggang lalu ranting patah
- Runcing tanduk, tertambat patah, terpukul mati
- Tersidang jejak menurun, tertukik jejak mendaki
- Terkikik terkedik tertanda bukti
- Pulang pagi berbasah-basahan
- Berjual bermurah-murahan
- Terlelah terkejar, tertumpu mata ramai

TANAH ADAT

Pada peringkat awal perkembangna Adat Perpatih peneroka yang mengusahakan tanah telah mewakafkan tanah-tanah tersebut kepada keturunan perempuan, keturunan lelaki pula diamanahkan untuk menjaga tanah suku ini, mereka dibenarkan memanfaatkan hasil tanah itu, tanah itu bukan hak milik perseorangan, tetapi menjadi hak milik suku sebelah perempuan, sekiranya tanah ini tidak boleh lagi menampung mereka yang mendiaminya kerana semakin ramai, maka ahli suku ini boleh membuka kawasan baru dengan restu buapak dan lembaga suku tersebut.

Tanah ini selama-lamanya bertaraf tanah wakaf, kerana itu tanah ini tidak menjadi “tarikah” yang boleh dibahagi serta diwarisi secara faraid, tanah ini terus dihakmilikkan turun-temurun kepada pihak perempuan sebagai tanah pusaka adat.

PEMBAHAGIAN HARTA SELEPAS PENCERAIAN

Perbilangan adat menyebut bahawa;

- Pembawa kembali
- Dapatan tinggal
- Carian dibahagi

Menerusi maksud perbilangan ini apabila telah berlaku perceraian, suami berhak membawa kembali harta yang dibawa bersama-sama semasa mula berkahwin dahulu, ini bermakna suami itu tidaklah keluar dari rumah itu sehelai sepinggang. Kalau suami membuat keputusan memberikan harta itu kepada bekas isterinya atau anak-anaknya atas budi bicaranya pun boleh dilakukan.

Harta yang menjadi kepunyaan isterinya semasa mula berkahwin dahulu ini adalah hak milik isterinya yang menjadi harta dapatan oleh suaminya itu dan ini hendaklah dikekalkan bersama isterinya.

Harta yang dapat diusahakan bersama semasa dalam perkahwinan antara keduanya yang dinamakan harta carian, maka hendaklah dibahagi antara keduanya yang dinamakan harta carian, maka hendaklah dibahagi antara kedua-duanya dengan adil, ikhlas serta bertimbangrasa demi kepentingan kedua belah pihak dan keluarga seluruhnya, tindakan yang diambil oleh kedua belah pihak ini hendaklah didasari oleh iman dan takwa kepada Allah.

- 1 افلا ينظرون الى الابل كيف خلقت . والى السماء كيف رفعت . والى الجبال كيف نصبت . والى الارض كيف سطحت . الغاشية 20-18
- 2 وعلم آدم الاسماء كلها ثم عرضهم على الملائكة فقال انبثوني باسماء هؤلاء ان كنتم صاهرين البقرة 31
- 3 ان في خلق السموات والارض واختلاف الليل والنهار لآيات لأولي البصائر . آل عمران 190
- 4 امثال الأوامر واجتناب النواهي .
- 5 الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر .
- 6 العرف معتبر .
- 7 ما رآه المسلمون حسنا فهو عند الله حسن . الحديث
- 8 وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الاثم والعدوان . المائدة 2
- 9 أكل المؤمنين إيماننا حسن الخلق . الحديث
- 10 إيماننا بعثت لأتمم مصالح الاخلاق . الحديث
- 11 ليس منا من لم يرحم صغيرنا ولم يعقر كبيرنا . الحديث
- 12 هو الذي جعل لكم الارض ذلولا فامشوا في مناكبها وكلوا من رزقه . واليه النشور . المائدة 15
- 13 إنا أنزلنا إليك الكتاب بالحق لتحكم بين الناس بما أرت الله . النساء 105

14 وإذا حكمتم بين الناس ان تحكموا بالعدل . النساء 58

15 لا يكلف الله نفسا إلا وسعها . البقرة 276

16 البينة على المدعى والشهادة على من أنكر . قواعد فقهاء .

SEMENDA MENYEMENDA DARI PERSPEKTIF ISLAM

1. Pendahuluan

- 1.1 Pembentukan keluarga melalui perkahwinan dalam Islam adalah merupakan institusi yang paling utama dan mulia, ini selari dengan matlamat Adat Perpatih, sebab itu sistem perkahwinan dalam Adat Perpatih mempunyai beberapa peraturan dan tatacara yang kemas dan rapi dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syarak, seperti disebut dalam perbilangan adat:-

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi Kitabullah

Syarak mengata, adat memakai

Kuat adat tak gaduh hukum

Kuat hukum tak gaduh adat.

- 1.2 Perkahwinan yang berpaksikan aturan syarak dan dimurnikan dengan nilai-nilai Adat Perpatih yang dilaksanakan di kalangan masyarakat Islam dalam wilayah adat di Negeri Sembilan ini.

Maka wujudlah istilah (sebutan adat) “Tempat Semenda” dan Orang Semenda”.

- 1.3 Tempat Semenda (Pek Menda) ialah semua keluarga dan saudara mara kepada perempuan (isteri) yang dikahwini oleh lelaki itu, manakala Orang Semenda ialah lelaki yang berkahwin dengan perempuan tersebut, ianya diakui sebagai ahli keluarga perempuan yang dikahwini yang mempunyai tanggungjawab dari segi syarak serta mempunyai hak-hak yang dilindungi dari segi Adat Perpatih. Ini menepati kehendak Islam seperti firman Allah dalam Surah Al-Furqan, ayat 54.

وهو الذى خلق من الماعبشرا فجعله نسباً وصهراً وكان ربك قديراً

اسورة الفرقان (اية ٥٤)

Yang bermaksud, “Dialah (Allah) menciptakan manusia dari air lalu dijadikan titisan baka dan pertalian kekeluargaan (persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa mencipta apa jua yang dikehendakinya.”

2. Kedudukan orang "Tempat Semenda".

- 2.1 Orang Tempat Semenda (Pek Menda) mempunyai kedudukan dengan ciri-ciri "ketuanan" dalam sistem Adat Perpatih, kerana dalam amalan kehidupan harian (bi'ah) masyarakat mempunyai dan pengaruh kedudukan. Orang Tempat Semenda ini selalunya menjadi tempat rujukan keluarga perempuan dalam hak-hak yang berkaitan dengan adat istiadat perkahwinan dan kegiatan-kegiatan adat yang lain.
- 2.2 Perlu didingat Orang Tempat Semenda ini tidak seharusnya mencampuri hal-hal rumahtangga Orang Semenda, umpamanya yang berkaitan dengan nafqah, hadhanah dan pemilikan harta carian.
- 2.3 Orang Tempat Semenda ini boleh mencampuri apa juga kegiatan Orang Semenda yang berkaitan dengan adat seperti urusan pertunangan dan perkahwinan serta kematian, ini selaras dengan Firman Allah dalam Surah An-Nahal ayat 43

فاستلوا اهل الذکر ان کنتم لا تعلمون •

سورة النحل اية (٤٣)

Bermaksud “Tanyalah orang yang berkemahiran jika kamu tidak memahaminya”.

3. **Kedudukan “Orang Semenda”**

- 3.1 Orang Semenda adalah diakui sebagai ahli keluarga kepada Orang Tempat Semenda (usrah) yang mempunyai hak-hak dan tanggungjawab yang harus disempurnakan dengan baik dan berkesan terutama tanggungjawab terhadap keluarga, ini menepati sebuah Hadith : Fathul Bari

ان لربك عليك حقاً ولنفسك عليك حقاً ولأهلك عليك حقاً فأعط كل ذي حق حقه
(رواه البخاري ومسلم)

Riwayat Al-Bukhari dan Muslim bermaksud “Sesungguhnya bagi Tuhan engkau ada haknya atas engkau, bagi diri engkau ada haknya atas engkau, dan bagi keluarga engkau ada haknya atas engkau, maka sempurnakanlah tiap-tiap yang mempunyai hak akan haknya.

- 3.2 Hak-hak mutlak dan tanggungjawab Orang Semenda ini menyentuh hubungan suami isteri, hubungan anak dengan bapa dan sebaliknya hubungan anak dengan ibu dan sebaliknya ia tidak dicampuri oleh Orang Tempat Semenda, kerana adat mengatakan,

Lingkungan bendul yang empat

Orang Semenda yang punya

- 3.3 Berlaku kekecohan rumahtangga perbilanagn mengatakan:-

Kunci bini, laki

Salah bini pada laki

Jika sekiranya kegawatan rumahtangga memuncak hingga dikatakan “rectak mcm bawa belah (ccrai)” pada peringat ini Orang Tempat Semenda diberi keutamaan memainkan peranan membaikpulih keretakan ini dengan harapan beroleh kejayaan, ini selari dengan Firman Allah dalam Surah An-Nisa’ ayat 35

وَأِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا •

سورة النساء (آية ٣٥)

Yang bermaksud, “Jika kamu bimbangkan perpecahan antara keduanya (suami, isteri) maka lantiklah orang tengah untuk mendamaikan mereka seorang dari pihak suami dan seorang dari pihak isteri.

- 3.4 Pada umumnya Orang Semenda bertanggungjawab melaksanakan amanah yang diletak padanya seperti menjaga kebajikan ahli keluarganya, menjaga harta benda yang diamanah melalui aturan adat, seperti Hadith, dari Abu Hurairah r.a

كلكم راع وكل راع مسؤول عن رعيته والرجل مسؤول عن أهل بيته • الخ •
(رواه ابن حبان)

Riwayat Ibnu Hibban: yang bermaksud, tiap-tiap seorang kamu adalah pengawal ianya akan disoal terhadap kawalannya. Seseorang bertanggungjawab mengawal ahli keluarganya dan ia akan disoal terhadap kawalan ahli keluarga. Perbilangan adat mengatakan

Membela kampung halaman yang sudut

Sawah dan ladang

Memerintah sekeliling bendul yang empat

Mana yang ada dibolo

Yang tak ada dicari

Yang ada ditokok tambah

Berompok sorang satu.

Bertuan masing-masing

Kalau gaduh dihulu, dihulukan

Gaduh dihilir, dihilirkan

Gaduh ditengah sama-sama dapat laba

Semalu sehina, seaib sesopan.

4. Pantang larang “Orang Tempat Semenda”

- 4.1 Orang Semenda, apabila telah menyemenda / berkahwin dengan seorang perempuan, maka keluarga pihak perempuan itu adalah “Tempat Semendanya”, dengan ini ia dikehendaki menjaga dan menghormati maruah “Tempat Semendanya” ini menepati Qaidah Fiqhiyah

Yang bermaksud “Menjunjung dan melaksanakan perkara yang diperintahkan dan menjauh serta meninggalkan perkara yang dilarang”.

- 4.2 Antara perintah-perintah yang harus ditaati itu ialah yang terhimpun dalam perbilangan adat:-

Masuk kandang kambing membebek

Masuk kandang kerbau menguak

Orang semenda disuruh arah

Pergi nampak belakang

Datang nampak muka

- 4.3 Antara larangan yang harus dipatuhi seperti kata perbilangan

Beri satu ambil dua

Enau sebatang dua sigai

Pelesit dua sekampung

5. Pantang larang Orang Semenda

5.1 Orang Tempat Semenda apabila telah menerima Orang Semenda ia juga dikehendaki menghormati dan menjaga maruahnya supaya jangan tercemar dan tersinggung.

5.2 Antara larangan itu ialah melakukan buruk sangka dan mengkhianati perhubungan antara kedua, Allah berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 29

قُلْ إِنْ تَخَفُوا مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تَبْدُوهُ يَعْلَمَهُ اللَّهُ •

سورة آل عمران (آية ٢٩)

Yang bermaksud “Katakan, apa juga yang kamu sembunyikan dalam diri kamu atau kamu zahirkan, nescaya Allah mengetahuinya. Ini selari pula dengan perbilangan

Dah beri ambil balik

Beruja pegang ekor

Sorong kepala tarik ekor

Telunjuk lurus kelengkeng berkait

Dalam beria ada bertindak.

6 Peranan Orang Semenda dalam masyarakat

- 6.1 Persepsi kurang tepat dari mana-mana pihak terhadap kedudukan Orang Semenda dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan “mengikut telunjuk keluarga perempuan (isteri)”, “macam abu atas tunggul” ini semua tidak berlaku sama sekali, kerana kita lihat penerimaan Orang Semenda (perkahwinan) kepada keluarga Tempat Orang Semenda, telah melalui penapisan, penilaian dan pengenalan dalam proses merisik, pertunangan dan seterusnya perkahwinan yang meletakkan kedudukannya pada tahap yang sewajarnya, sesuai dengan peranan dan potensi yang boleh dimainkannya, bak kata perbilangan,

Kok alim hendakkan doanya

Kok cerdik teman berunding

Kok berani kepala perang

Kok kuat memikul beban

Kok bodoh disuruh arah

Kok buta menghembus lesung

Kok pekak membakar bedil

Kok capek menghalau ayam

Kok kaya hendakkan emasnya

- 6.2 Apa juga bentuk sahsiah dan sifat peribadi Orang Semenda ini ia tetap diterima dan diberi ruang untuk ia memainkan peranan berdasarkan ilmu, kemahiran, kekuatan minda, kemampuan material dan fizikal yang dianugerah oleh Allah keatas seseorang hambanya, iaNya menilai pula setiap sumbangan yang termampu dilakukan oleh seseorang.

وان ليس للانسان الا ما سعى

سورة النجم (اية ٣٩)

Surah An-Najm ayat 39 yang bermaksud “Dan sesungguhnya tidak ada pembalasan atas usaha manusia itu melainkan sctakat yang mampu diusahakan.

7. Penutup

- 7.1 Maka demikianlah sedikit sebanyak yang dapat dipaparkan peraturan / tatacara / kehidupan Orang Tempat Semenda dan Orang Semenda yang merentasi hidup berkeluarga, berumahtangga seterusnya hidup bermasyarakat.
- 7.2 Bahagia, aman damai rumahtangga serta harmoninya mewujudkan masyarakat yang baik dan membawa kepada negara yang sejahtera.

8. Saranan

- 8.1 Adat adalah satu landasan yang asli bukan saduran, ianya telah melalui peredaran zaman yang begitu panjang namun ia tetap asli

Adat tak lapuk dek hujan

Tak lekang dek panas

Gemuk berpupuk

Segar bersiram

Dianjak layu, dicabut mati

- 8.2 Adat Perpatih satu peraturan hidup yang menuju kearah kebenaran (الحق) dengan itu ia perlu dipertahankan segala peraturannya/ hukumnya dilaksanakan dengan baik dan terkawal.

Negeri berpagar undang

Kampung berpagar pusaka

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata, adat memakai